

TEKS UCAPAN
YB Datuk Rosnah Haji Abdul Rashid Shirlin
Timbalan Menteri Kerja Raya

Seminar Memperkasa & Padanan (*Matchmaking*)
Kontraktor Bumiputera Kelantan

15 Februari 2018 (Khamis)

Dewan Puteri Saadong 3
Hotel Grand Riverview Kota Bharu, Kelantan

Salutations (akan dimasukkan kemudian)

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia dan Salam Negaraku
Malaysia.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat berkumpul dalam Seminar Memperkasa dan Padanan (*Matchmaking*) Kontraktor Bumiputera Kelantan pada hari ini.

2. Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU), Kementerian Kerja Raya dan Lembaga

Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) di atas penganjuran seminar ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

3. Program pada hari ini bertujuan untuk memberi peluang kepada kontraktor dan usahawan binaan Bumiputera untuk meluaskan jaringan perniagaan di samping mempromosi produk-produk syarikat mereka. Selain itu, sesi perkongsian pengalaman dan rahsia kejayaan oleh penggiat industri binaan yang telah mencipta kejayaan tersendiri dalam industri binaan seperti ini diharap dapat memberi manfaat serta membuka minda peserta dalam usaha untuk mengoptimumkan kos pelaksanaan projek pembinaan. Pendekatan secara *sharing and learning* ini secara tidak langsung menjadi kaedah yang dapat memperkasa ekonomi usahawan binaan Bumiputera khususnya.

4. Antara objektif penganjuran Seminar Memperkasa & Padanan (*Matchmaking*) ini adalah:

- menjadi medium penyampaian maklumat tentang barangan dan produk terkini kepada kontraktor Bumiputera dan dalam masa yang sama dapat memberi peluang untuk kontraktor dan usahawan

binaan Bumiputera memajukan perniagaan secara konsisten dalam masa panjang. Dengan adanya seminar seperti ini juga, dapat melahirkan kontraktor dan usahawan binaan Bumiputera yang lebih kompeten dan lebih berdaya saing;

- salah satu langkah pro-aktif untuk menjalinkan usaha sama dan ruang kerjasama di antara BPKU dan CIDB dalam membudayakan konsep 'kebajikan tanggungjawab bersama' untuk kepentingan sosial negara; dan
- menyediakan platform kepada kontraktor untuk berkongsi pengalaman dan kemahiran mereka tersendiri, di samping sebagai laluan *networking* sesama mereka dalam usaha untuk mengembangkan perniagaan.

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

Bajet 2018

5. Bajet 2018 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia pada 27 Oktober 2017 yang lalu

iaitu 'Memakmur Ekonomi Yang Inklusif, Mengimbang Keunggulan Duniawi Dan Ukhrawi, Demi Mensejahtera Kehidupan Rakyat, Menuju Aspirasi TN50', membuktikan Kerajaan sangat prihatian dan komited dalam membangunkan setiap lapisan masyarakat di setiap pelosok negara ini. Jumlah peruntukan bajet berjumlah sebanyak RM280.25 bilion telah dibahagikan kepada 8 teras utama yang akan dilaksanakan oleh 25 kementerian termasuklah Kementerian Kerja Raya.

6. Kementerian Kerja Raya yang menjadi peneraju pembangunan infrastruktur negara ini telah diberi tugas yang besar menggalas tanggungjawab untuk projek dan program *InfraRakyat* dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan. Berdasarkan pencapaiann KDNK 2017, sektor pembinaan yang menjadi tulang belakang pembangunan *InfraRakyat* ini telah berjaya mencapai pertumbuhan 6.2 peratus pada suku tahun ke-3 2017. Dengan pencapaian memberangsangkan ini, Kementerian Kerja Raya yakin momentum ini dapat dikekalkan dan mensasarkan nilai projek tahun 2018 boleh mencecah sebanyak RM140 bilion.

7. Di samping pelbagai kategori projek *InfraRakyat* yang telah diluluskan dan sedang dilaksanakan Kementerian Kerja Raya bersama-sama agensi-agensi seperti Lembaga

Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), Jabatan Kerja Raya (JKR), Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan 3 Lembaga Profesional dapat menggembiling kepakaran dan tenaga untuk memastikan pembangunan dari segi teknologi, inovasi dan modal insan juga diangkat sebagai *Key Performance Indicator* (KPI). Program-program yang dirancang untuk dilaksanakan telah dirangkum dalam Program Transformasi Industri Pembinaan atau dalam Bahasa Inggerisnya *Construction Industry Transformation Programme* (CITP) yang merupakan pelan transformasi sektor pembinaan selama 5 tahun bermula tahun 2016 hingga 2020.

8. Di bawah CITP ini, pelbagai program telah dirancang dan sedang dilaksanakan bukan sahaja memfokus kepada pembangunan kontraktor tetapi ianya memberi ruang kepada penggiat industri pembinaan untuk menerokai bidang baharu atau memberi penekanan baharu dalam industri ini sebagai contoh *Industrialised Building System* (IBS), *Building Information Modelling* (BIM) dan pembangunan tenaga kerja mahir melalui program *Technical Vocational Education Training* (TVET).

9. Antara usaha-usaha yang telah diambil di bawah CITP adalah sebanyak 449 projek di bawah **teras Kualiti**,

Keselamatan dan Profesionalisme telah dinilai menggunakan Pentaksir Kualiti dalam Sistem Pembinaan (QLASSIC) dan 63 peratus telah mencapai lebih 70 skor QLASSIC. Manakala di bawah **teras Kemampanan Alam Sekitar**, Kementerian Kerja Raya bersama-sama CIDB sedang membangunkan alat penarafan infrastruktur mampan pertama di Malaysia untuk menguji ketahanan bangunan dan infrastruktur terhadap bencana alam. Melalui **teras Produktiviti**, pelaksanaan teknologi Permodelan Maklumat Bangunan (*Building Information Modelling* - BIM) menerusi penubuhan Pusat MyBIM serta mempergiatkan kesedaran kepada pihak berkuasa tempatan mengenai *Industrialised Building System* (IBS) dalam pelaksanaan projek pembangunan mereka. Selain itu, **teras Pengantarabangsaan** pula telah mencatatkan sebanyak 79 projek bernilai RM2.7 bilion telah dimenangi oleh syarikat Malaysia di luar negara termasuk Qatar, Emiriah Arab Bersatu, Pakistan, Bangladesh, Kemboja dan Laos. Sehingga Jun 2017, sebanyak 21 inisiatif di bawah 4 teras strategik CITP menunjukkan hampir 96.5 peratus dari 117 Pertunjuk Prestasi Utama telah mencapai sasaran yang memberansangkan dengan kerjasama Kementerian Kerja Raya, CIDB dan kementerian-kementerian yang berkaitan.

10. Di bawah teras Produktiviti CITP juga, CIDB telah mensasarkan seramai 5,000 IBS profesional, 900 kontraktor Bumiputera dalam Pengurusan Fasiliti, 12,500 kontraktor Bumiputera IBS, 2,800 kontraktor Bumiputera dalam kepakaran khusus dan 5,000 usahawan Bumiputera dapat dilahirkan. Kementerian Kerja Raya akan terus melibatkan kontraktor Bumiputera dalam meningkatkan kemahiran masing-masing dalam industri pembinaan.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

INISIATIF BAHAGIAN PEMBANGUNAN KONTRAKTOR DAN USAHAWAN

11. Kementerian Kerja Raya melalui BPKU telah banyak melakukan perubahan untuk merakyatkan perkhidmatan awam secara merencana dan melaksanakan langkah langkah penambahbaikan berbentuk *business process re-engineering* di mana pengeluaran Sijil Taraf Bumiputera (STB) telah dipermudah dan dipercepatkan. Semua jenis permohonan, samada pendaftaran baru atau permohonan pembaharuan taraf bumi, malah perubahan butiran maklumat syarikat, kini boleh dibuat secara atas talian.

12. Penambahbaikan proses kerja juga dibuat menggunakan Sistem Pengurusan Maklumat Berpusat CIMS (*Centralised Information Management System*). Ini bertujuan menjimatkan masa proses, di mana keperluan mengemukakan dokumen telah dikurangkan dan hanya syarikat-syarikat atau permohonan taraf yang diragui sahaja akan disiasat, sama ada di premis operasi atau di tapak binaan.

13. Untuk makluman semua, berdasarkan rekod Sistem Pengurusan Maklumat Berpusat CIDB, BPKU telah merekodkan 39,056 kontraktor yang layak mendapat Sijil Taraf Bumiputera (STB) di mana 2,400 kontraktor Bumiputera gred G1-G7 di Negeri Kelantan. Adalah menjadi hasrat BPKU dan juga Kerajaan untuk memastikan bahawa kontraktor-kontraktor yang berdaftar ini dapat bersaing dalam segala bidang teknikal, tidak kira sama ada dalam sektor kerajaan atau swasta.

14. Selain itu, di bawah Bajet 2018 pelbagai projek dan program yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan boleh direbut oleh kontraktor Bumiputera antaranya adalah Pembaikan dan Penyelenggaraan Sekolah-Sekolah Daif melalui kaedah IBS di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak serta Projek *Central Spine Road* (Jajaran Raub – Bentong dan Jajaran Gua Musang, Kelantan – Kampung Relong, Pahang). Pelaksanaan

projek sekolah daif merupakan sebuah projek berbentuk *touch point* kepada rakyat dan pelaksanaannya adalah di bawah mod segera.

15. Bagi Projek Sekolah Daif ini, tempoh pembinaan minima projek yang ditetapkan adalah selama 3 bulan. Program ini melibatkan penggantian bangunan lama yang uzur dan usang serta bangunan yang terlibat dengan banjir. Ia memberi impak besar kepada pelajar, guru dan ibu bapa di mana sekolah - sekolah tersebut mendapat bangunan baru yang lebih sempurna, cantik dan selesa untuk tujuan pembelajaran. Jumlah keseluruhan sekolah yang terlibat bagi tahun 2018 adalah 418 buah iaitu 180 buah di Semenanjung, 109 buah di Sabah dan 129 buah di Sarawak.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

16. Program pembangunan yang telah dilaksanakan bertujuan memastikan kontraktor dan usahawan binaan Bumiputera terus berdaya saing dan kompetitif di pasaran tempatan dan global. Sebanyak 77 program telah dianjurkan di seluruh negara pada tahun 2017 adalah merangkumi penganjuran kursus pengurusan, kursus tambah bidang serta program latihan praktikal dan khidmat masyarakat. Secara

keseluruhannya, hampir 5,000 kontraktor Bumiputera telah mendapat manfaat daripada program ini dengan harapan para kontraktor dapat meningkatkan kompetensi secara berterusan, tanpa melupakan penerapan nilai – nilai murni dalam diri usahawan binaan Bumiputera tempatan.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

SKIM KUMPULAN WANG AMANAH KONTRAKTOR (SKWAK)

17. Bagi menentukan kontraktor Bumiputera dapat membida projek dan melaksanakannya secara kompetitif, modal yang mencukupi merupakan faktor yang penting bagi menentukan kejayaan. Oleh itu, BPKU telah menyediakan bantuan pembiayaan wang pendahuluan projek dalam bentuk pinjaman yang dikenali sebagai Skim Kumpulan Wang Amanah Kontraktor (SKWAK). Pinjaman ini diberikan kepada kontraktor G1 - G5 yang layak dan telah mendapat projek persekutuan yang dipantau oleh JKR. Sehingga Disember 2017, 16 kontraktor Bumiputera telah dianugerahkan pinjaman SKWAK dengan nilai pinjaman sebanyak RM7.3 juta.

18. Ini bermakna Kerajaan melalui Kementerian Kerja Raya sentiasa komited dalam pelaksanaan agenda pembangunan

Bumiputera. Saya menyeru tuan-tuan dan puan-puan untuk merebut peluang ini. Selain itu, BPKU juga turut terlibat dalam penentuan kategori tender. Sepanjang tahun 2017, sebanyak 275 projek telah diberikan taraf tender khusus untuk kontraktor Bumiputera yang bernilai RM3.6 billion.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

JAWATANKUASA SARINGAN KONTRAKTOR PENYIAP (JSKP)

19. Bagi memantapkan lagi penyampaian perkhidmatan Kerajaan dalam memastikan setiap projek dilaksanakan mengikut perancangan, mulai 1 September 2017 BPKU telah menjadi urusetia bersama di dalam Jawatankuasa Saringan Kontraktor Penyiap (JSKP) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya berdasarkan PK 4.5: Tatacara Pengurusan Projek Sakit Dan Pelantikan Kontraktor Penyiap Bagi Projek Sakit.

20. Urusetia Jawatankuasa Saringan Kontraktor Penyiap (JSKP) berperanan dan bertanggungjawab untuk membuat saringan ke atas senarai kontraktor penyiap, mengemaskini senarai nama kontraktor penyiap setiap bulan, menyediakan senarai pendek kontraktor penyiap berdasarkan kriteria yang

telah ditetapkan untuk disahkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Saringan Kontraktor Penyiap (JSKP) apabila diminta oleh kementerian serta memantau prestasi kontraktor penyiap yang telah dilantik. Oleh yang demikian, para kontraktor Bumiputera disaran meningkatkan kemahiran dalam mengurus projek kerajaan di samping merebut peluang untuk disenarai pendek sebagai kontraktor penyiap.

21. Kerajaan sentiasa prihatian tentang pembangunan kontraktor terutamanya kontraktor Bumiputera. Saya sebagai Timbalan Menteri Kerja Raya ingin menyeru supaya tuan-tuan dan puan-puan yang hadir pada hari ini supaya peka dengan arus perkembangan pasaran, teknologi dan inovasi. Kita tidak boleh leka dengan apa yang kita ada pada masa ini dan sewajarnya memahami arus permodenan seperti Industri Revolusi 4.0, *Internet of Things* (IoT) dan *artificial intelligent*. Kementerian Kerja Raya melalui BPKU akan sentiasa bekerjasama dengan CIDB dalam memastikan penyebaran maklumat yang terkini, tepat dan benar dapat disalurkan kepada penggiat-penggiat industri pembinaan.

Tuan-tuan, Puan–puan dan para jemputan sekalian,

22. Akhir kata, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah berusaha bagi menjayakan program *matchmaking* ini. Kepada para kontraktor Bumiputera yang hadir, terima kasih juga diucapkan dan tahniah serta syabas kerana berjaya menyertai program-program anjuran Kementerian Kerja Raya.

23. Sehubungan itu, dengan lafaz BismillahirRahmanirRahim, saya dengan ini sukacita merasmikan SEMINAR MEMPERKASA PADANAN (*MATCHMAKING*) KONTRAKTOR BUMIPUTERA KELANTAN BAGI TAHUN 2018.

Sekian, Wabilahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.